

27 AUG 1998

DAIM-EKONOMI/I

MSIA MUNGKIN CATAT PERTUMBUHAN POSITIF SATU PERATUS PADA 1999, KATA DAIM

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Malaysia, yang dijangka mencatatkan pertumbuhan negatif tahun ini, berkemungkinan mencatat pertumbuhan positif satu peratus tahun depan, kata Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin, di sini, hari ini.

Beliau berkata sementara pertumbuhan dalam suku tahunan kedua tahun ini dijangka buruk berbanding suku tahun pertama sebanyak -1.8 peratus, pertumbuhan dalam suku tahunan ketiga di antara Julai dan September tahun ini akan lebih baik.

"Ia akan menjadi petanda bagi pemulihan," katanya ketika mengulas saranan yang dibuat ketika sesi soal-jawab dan dalam ucap utamanya pada Perbincangan Meja Bulat mengenai Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) yang dianjurkan oleh Persatuan Oxford dan Cambridge Malaysia.

Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan angka terperinci Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku tahunan kedua, pada hari ini.

Bagi tahun ini, "kita pastinya akan mencatatkan pertumbuhan negatif kerana kegawatan yang berlaku dalam ekonomi... tahun depan, mungkin, kita akan menyaksikan pertumbuhan satu peratus tetapi bukan negatif," kata bekas menteri kewangan itu.

Beliau berkata walaupun Malaysia diramal mencatatkan pertumbuhan -1.0 kepada

-2.0 peratus tahun ini, "kejatuhan mungkin akan bertambah buruk lagi jika kita gagal melaksanakan langkah-langkah pakej PPEN."

"Apa yang malangnya adalah kita boleh terus terheret dalam krisis serantau kerana peristiwa-peristiwa baru dalam ekonomi antarabangsa adalah terbuka."

Beliau berkata satu-satunya perkara yang mengejutkan kini adalah pengurangan dalam KDNK sangat besar dan Malaysia masih tidak biasa dengan perkara itu, sambil menambah "kerajaan betul-betul berdepan dengan masalah serius dalam usaha untuk memulihkan pertumbuhan."

"Peristiwa-peristiwa luar yang berlaku adalah di luar kawalan kita, penyusutan nilai yuan China, krisis di Rusia yang semakin berlarutan dan deflasi seluruh dunia adalah bukan kemustahilan yang terpinggir," katanya.

Daim juga berkata China adalah satu faktor penting dan penyusutan nilai yuan akan memberi kesan buruk kepada daya saing eksport negara-negara Asia Tenggara.

"Untuk melindungi kita daripada risiko kemelesetan, kita perlu pantas meneruskan pertumbuhan dan melupakan apa yang telah berlaku dengan segera," katanya.

"Oleh itu kita perlu mengambil langkah permodalan semua bank-bank, mengurangkan kredit, mengukuhkan pasaran modal, memulihkan keyakinan pasaran, menggiatkan semula sektor ekonomi dan menangani masalah struktur yang menghalang pertumbuhan," tambahnya

Daim berkata pertumbuhan tinggi seperti "suatu waktu dahulu" tidak akan kembali (dengan segera) tetapi kerajaan telah semakin bijak hasil daripada pengalaman berdepan kegawatan ekonomi.

Merujuk kepada langkah-langkah drastik untuk memulihkan ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kenyataan itu adalah satu gesaan kesedaran kepada rakyat Malaysia, terutama kepada yang tidak mengalami atau menyedari kesan perit daripada kegawatan yang berlaku ketika ini.

Beliau berkata PPEN akan dilaksanakan dengan segera kerana ia kini sudah menjadi pelan rakyat, sambil menambah kerajaan telah membentuk satu mekanisma bagi menyelaras dan melaksanakan keputusan yang telah dibuat.

Kerajaan lebih daripada mengambil berat terhadap kejayaan rancangan itu yang bergantung kepada penyelarasan yang efektif serta tindakan tegas oleh kerajaan serta sokongan daripada rakyat.

"Jangan bimbang dengan keadaan sekarang, kerajaan memberikan komitmen sepenuhnya ke arah memulihkan semula ekonomi," katanya.

"Kita masih mempunyai peluang yang baik untuk keluar daripada krisis ini jika kita bekerjasama dan berusaha ke arahnya," katanya.

"Ekonomi Malaysia boleh dan akan pulih dengan pantas," kata Daim. --

BERNAMA

TEAM ZK OS